

BENARKAH HAJJAJ SEORANG YANG SANGAT JAHAT?



<https://youtu.be/0TDtUd9GzdU>

VIDEO – [Durasi – 11m 51s] – Benarkah Hajjaj Bin Yusuf Seorang Yang Sangat Jahat

BENARKAH HAJJAJ SEORANG YANG SANGAT JAHAT?

Al-Hajjaj bin Yusuf as-Tsaqofi seorang gabenor Iraq yang dilantik oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan pada zaman khilafah Bani Umayyah. Dalam sejarah Islam, beliau digambarkan sebagai penguasa yang amat zalim dan kejam bahkan seolah-olah penguasa paling kejam pernah wujud di atas muka bumi Allah ini. Apabila timbul sahaja kisah tentang penguasa atau pemerintah yang zalim lalu terlantaslah untuk membandingkannya dengan Hajjaj bin Yusuf as-Tsaqofi.

Tetapi hakikatnya, pentadbirannya yang keras dan berdisiplin, walaupun dikritik oleh banyak pihak, meninggalkan jasa yang besar kepada umat Islam, antaranya:-

- Mendaulatkan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi kerajaan.
- Menyelamatkan umat Islam yang diserang oleh kerajaan Hindu di India dengan menghantar Muhammad ibn Qasim sehingga berjaya mengukuhkan kuasa Islam di sana.
- Mengukuhkan pertahanan Islam di Turkestan dengan menghantar tentera pimpinan Qutaibah ibn Muslim sehingga menembusi sempadan negara China.
- Meluaskan empayar Islam di Eropah dengan menghantar tentera Islam pimpinan Musa ibn Nusair dan Tariq ibn Ziyad ke Sepanyol.


Hajjaj dikatakan berjasa besar kepada Islam kerana memasukkan baris kepada Al-Quran. Pada masa yang sama beliau dituduh membunuh sekian ramai orang Islam sesuka hatinya.

Apakah maksud sebenar di sebalik cerita-cerita yang saling bercanggahan ini?

Inilah agenda pereka-pereka kisah yang terdapat dalam buku-buku sejarah Islam; mereka ingin menyatakan bahawa al-Quran yang ada pada hari ini adalah al-Quran yang diragui kesahihannya kerana baris-baris yang ada dalam Quran ini adalah hasil usaha seorang yang amat jahat, pembunuh yang tidak berperikemanusiaan yang bernama Hajjaj!

Ini lah fitnah dahsyat musuh-musuh Islam yang ditelan bulat-bulat oleh kita orang Islam!

Berikut ialah kitab yang menjadi tesis PhD Dr Mahmud Ziyadah dan dinamakan "Al-Hajjaj Bin Yusoff as-Tsaqofi: al-Muftara 'alaih" (al-Hajjaj : Insan yang terfitnah) – yang bakal mengubah persepsi anda terhadap insan yang banyak berjasa ini:



<https://pemurniansejarah.files.wordpress.com/2018/12/1.-ebook-hajaj-d8a7d984d8add8acd8a7d8ac-d8a8d986-d98ad988d8b3d981-d8a7d984d8abd982d981d989-d8a7d984d985d981d8aad8b1d989-d8b9d984d98ad987.pdf>

EBOOK -"Al-Hajjaj Bin Yusoff as-Tsaqofi: al-Muftara 'alaih" (al-Hajjaj : Insan yang terfitnah)